PP

lwn.

OBENG FREDERICK KWABENA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD GHAZALI H
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-125-2001]
20 DISEMBER 2001

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Cuba menipu - Penjara tidak kurang dari satu tahun dan sebatan - Seksyen 420 Kanun Keseksaan - Sama ada merupakan peruntukan mandatori - Sama ada wajib dipatuhi - Majistret menjatuhkan hukuman enam bulan penjara - Sama ada satu kekhilafan - Sama ada perlu diketepikan - Kanun Keseksaan, ss. 420, 511*

Responden disabitkan dengan kesalahan cuba menipu di bawah s. 420 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 511 Kanun tersebut ('Kanun') dan dihukum enam bulan penjara berkuatkuasa dari tarikh ia ditangkap. Di mahkamah di bawah, dalam menjatuhkan hukuman, majistret antara lain mengambil kira pengakuan salah responden dan fakta bahawa responden berumur 21 tahun ketika melakukan kesalahan. Selain itu, majistret juga berpendapat bahawa peruntukan pemenjaraan tidak kurang dari satu tahun seperti yang diperuntukkan oleh s. 420 Kanun adalah zalim bagi pesalah muda seperti responden, dan kerana itu peruntukan tersebut tidak perlu dipatuhi. Pihak pendakwa raya telah merayu terhadap hukuman, dan di hadapan yang arif hakim timbul persoalan sama ada majistret telah khilaf dalam pertimbangannya bila menjatuhkan hukuman enam bulan penjara terhadap responden.

Diputuskan:

[1] Seksyen 420 Kanun dibaca bersama s. 511 Kanun memperuntukkan bahawa barang siapa yang disabitkan seksyen-seksyen berkenaan dengan kesalahan mencuba melakukan menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan hendaklah diseksa dengan penjara tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi lima tahun. Oleh itu, bagi sabitan sebegini, adalah menjadi keperluan mandatori bagi mahkamah mengenakan hukuman pemenjaraan tidak kurang dari satu tahun beserta dengan sebatan. (ms 582 f-h)

[2] Majistret telah melakukan kesilapan apabila ia menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama enam bulan dalam kes ini. Dengan demikian, hukuman tersebut dengan itu adalah diketepikan. (ms 582 i)

[3] Mengambil kira fakta kes, prinsip-prinsip yang terpakai termasuk kepentingan awam, umur responden, bentuk kesalahan dan tempohmasa tertuduh berada dalam penahanan ketika menunggu perbicaraan dan pengakuan salah responden, adalah wajar dan adil bagi mahkamah menggantikan hukuman penjara enam bulan di sini dengan hukuman penjara lapan belas bulan dan tiga sebatan. (ms 583 d)

[Rayuan dibenarkan sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Karim v. R [1954] 20 MLJ 86 ***(dirujuk)***
Mohamed Jusoh Abdullah & Anor v. PP [1947] 13 MLJ 130 ***(dirujuk)***
PP v. Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 ***(dirujuk)***
Sau Soo Kim v. PP [1975] 2 MLJ 134 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 420, 511

Bagi pihak perayu - Ahmad Bache TPR
Bagi pihak responden - Mohd Firuz Jaffril; T/n Firuz Jaffril & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali H:
Responden telah dituduh melakukan cubaan memperdaya satu Low Eng Beng ("pengadu") untuk mempercayai bahawa responden memilik sejenis cecair yang boleh mencuci satu keratan kertas hijau bertukar menjadi matawang Amerika Syarikat. Tuduhan terhadapnya dibawah s. 420 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 511 Kanun yang sama ("Kanun itu") berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 4.8.2001 jam lebih kurang 8.00 malam bersama-sama seorang yang masih bebas di bilik 806, No. 45, Tengkat Tong Shin, Bukit Bintang, di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah cuba menipu Low Eng Beng KP: 560722-07-5351, dengan mencuba memperdayakan Low Eng Beng untuk mempercayai bahawa kamu boleh menukarkan keratan kertas hijau bertukar menjadi matawang Dolar Amerika setelah dicuci dengan menggunakan sejenis cecair, dengan itu kamu telah dengan curangnya cuba mendorong Low Eng Beng untuk menyerahkan sesuatu harta berupa wang tunai USD 5,000/- bagi membeli cecair tersebut, padahal kamu tahu cecair tersebut tidak wujud dan Low Eng Beng akan menyerahkan kepada kamu harta tersebut sekiranya telah diperdayakan oleh kamu dan dengan demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 511 Kanun yang sama.

Responden telah mengaku salah dan majistret menjatuhkan hukuman penjara enam bulan yang berkuatkuasa daripada tarikh ia ditangkap, iaitu, 6 Ogos 2001. Pihak pendakwaan terkilan dengan hukuman itu dan berikutnya merayu ke Mahkamah Tinggi. Dalam alasan penghakimannya, majistret menjelas ia menjatuhkan hukuman tersebut berdasarkan alasan-alasan termasuk yang berikut:

(i) responden adalah seorang pesalah muda, iaitu, ia baru berumur 21 tahun dan merupakan seorang warganegara asing "yang mana mahkamah perlu mengimbangkan fakta ini dengan hukuman yang dikenakan ke atas beliau dengan mengambilkira kesalahan yang dilakukan di negara asing, dan seriusnya kesalahan tersebut";

(ii) mahkamah telah memandangkan serius tentang peruntukan s. 420 dan s. 511 Kanun itu yang mana menetapkan hukuman mandatori, iaitu, pemenjaraan tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi sepuluh tahun dan sebatan dan boleh juga dikenakan denda;

(iii) walaupun demikian, mahkamah merasakan peruntukkan mandatori pemenjaraan satu tahun "bagi fakta kes ini adalah tidak wajar kerana ia begitu zalim bagi seorang pesalah muda, walaupun '*mens rea*' nya telah ujud tapi '*actus reus*' nya tidak kesampaian"; "maka mahkamah merujuk peruntukkan s. 511 Kanun itu yang mana mahkamah mentafsirkan bahawa adalah tidak wajar OKT menjalani hukuman selama satu tahun"; "oleh itu mahkamah menjatuhkan hukuman enam bulan iaitu satu hukuman yang berat bagi seseorang pesalah muda dan pesalah pertama".

Majistret telah juga menyata ia mengambil kira pengakuan bersalah responden yang mana telah menjimatkan masa mahkamah dan kos. Di penutup alasan penghakimanya, ia menjelaskan seperti berikut:

> Hukuman yang dijatuhkan selama 6 bulan adalah wajar bagi OKT ini. Walaupun isu 'black magic' ke atas wang-wang kertas pernah berlaku di negara kita, namun setiap fakta kes adalah berbeza antara satu sama lain yang penting kesannya ke atas mangsa/pengadu kejadian tersebut.

Dalam petisyen rayuan, pihak pendakwaan mengemukakan alasan-alasan berikut:

(i) majistret khilaf bila memutuskan bahawa s. 511 Kanun itu hanya terpakai bagi pesalah yang mempunyai rekod kesalahan lampau;

(ii) majistret khilaf bila memutuskan peruntukan pemenjaraan satu tahun di bawah s. 420 Kanun itu sebagai zalim bagi pesalah muda;

(iii) majistret khilaf bila gagal memberikan pertimbangan serius tentang kedudukan responden sebagai seorang warganegara asing yang melakukan kesalahan jenayah di negara ini;

(iv) majistret khilaf bila mengambilkira fakta yang pengadu tidak mengalami sebarang kerugian dan kehilangan harta benda sebagai ganti fakta meringankan hukuman;

(v) majistret khilaf bila gagal menjatuhkan hukuman yang melambangkan seriusnya kesalahan ini.

Fakta kes menunjuk pada penghujung bulan Julai 2001, pengadu, semasa menunggu kawannya di luar sebuah kedai di Pulau Pinang, telah ditegur oleh pesalah dan seorang lelaki lain yang masih bebas. Pesalah dan lelaki lain itu, yang keduanya berasal dari benua Afrika memberitahu pengadu tentang peluang perniagaan yang boleh dijalankan. Keesokannya satu pertemuan dijalankan dan pengadu ditunjukkan beberapa helai kertas hijau yang kemudiannya dicuci dengan sejenis cecair yang lalu bertukar menjadi matawang Amerika Syarikat dominasi USD50, USD20 dan USD100. Pengadu terkejut dengan apa yang dilihatnya. Pesalah dan lelaki lain itu kemudiannya memberitahu pengadu bahawa mereka mempunyai sejumlah 1.5 juta matawang Amerika Syarikat dalam bentuk kertas hijau dan minta pengadu datang ke Kuala Lumpur.

Pada 3 Ogos 2001 pengadu telah pergi ke Kuala Lumpur dan dibawa oleh pesalah dan lelaki lain itu ke bilik nombor 806 di Hotel Allson Genesis lalu ditunjukkan sebuah beg yang penuh dengan kertas hijau yang didakwa adalah matawang Amerika Syarikat. Pesalah dan lelaki lain itu kemudiannya minta pengadu wang sebanyak USD5,000 kononnya untuk membayar seorang perempuan Swiss yang dikatakan menyimpan beg mengandungi cecair kimia yang digunakan untuk mencuci keratan kertas-kertas hijau itu. Pengadu kemudiannya berasa seakan bahawa ini adalah satu cubaan untuk menipunya dan berikutnya telah membuat laporan polis.

Pada 6 Ogos 2001 satu pasukan polis telah menyerbu bilik bernombor 806 itu dan menangkap pesalah. Sebuah beg yang mengandungi keratan kertas-kertas hijau berukuran matawang Amerika Syarikat yang terserat dengan kartu tanda bilik nombor 806 atas nama pesalah telah dikesan di tempat penyimpanan barang di hotel tersebut. Pihak polis telah merampas beg itu dan menahan pesalah untuk siasatan. Didapati daripada hasil siasatan yang dijalankan bahawa pesalah dan lelaki lain itu yang masih bebas adalah orang yang bertanggungjawab membuat demonstrasi mencuci kepingan kertas hijau dengan sejenis cecair yang kemudiannya bertukar menjadi matawang Amerika Syarikat. Pesalah juga adalah orang yang telah cuba menyakinkan pengadu bahawa beg

yang dikesan itu mengandungi matawang Amerika Syarikat berwarna hijau. Siasatan polis juga menunjukkan bilik bernombor 806 itu didaftarkan atas nama pesalah.

Seksyen 420 Kanun itu berbunyi:

> Whoever cheats and thereby dishonestly induces the person deceived, whether or not the deception practised was the sole or main inducement, to deliver any property to any person, or to make, alter, or destroy the whole or any part of a valuable security, or anything which is signed or sealed, and which is capable of being converted into a valuable security, shall be punished with imprisonment for a term which shall not be less than one year and not more than ten years and with whipping, and shall also be liable to fine.

Section 511 Kanun itu berbunyi:

> Whoever attempts to commit an offence punishable by this Code or by any written law with imprisonment or fine or with a combination of such punishments, or attempts to cause such an offence to be committed, and in such attempt does any act towards the commission of such offence, shall, where no express provision is made by this Code or by such other written law, as the case may be, for the punishment of such attempt, be punished with such punishment as is provided for the offence: Provided that any term of imprisonment imposed shall not exceed one-half of the longest term provided for the offence.

Seksyen 420 Kanun itu dengan jelas memperuntukkan barang siapa yang melakukan kesalahan menipu dan dengan curang mendorong supaya harta diserahkan hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi sepuluh tahun dan sebatan, dan boleh juga dikenakan denda. Apa yang jelas juga adalah s. 511 Kanun itu memperuntukkan barang siapa yang mencuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh disiksa di bawah Kanun hendaklah disiksa dengan siksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu dengan syarat bahawa apa-apa tempoh penjara yang dikenakan tidaklah boleh lebih daripada setengah daripada tempoh yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Pada bacaan saya, ini bererti barang siapa yang disabitkan dengan kesalahan mencuba melakukan menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan di bawah s. 420 Kanun itu dibaca bersama s. 511 Kanun yang sama hendaklah disiksa dengan penjara tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi lima tahun. Oleh itu adalah merupakan satu keperluan mandatori untuk mengenakan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada satu tahun beserta dengan sebatan bagi sabitan di bawah s. 420 dibaca bersama s. 511. Majistret dalam kes ini telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama enam bulan walaupun Kanun dengan jelasnya menetapkan hukuman pemenjaraan hendaklah tidak kurang daripada satu tahun berserta dengan sebatan.

Adalah menjadi dapatan saya bahawa majistret telah melakukan kesilapan apabila ia menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama enam bulan dalam kes ini. Dalam hujahnya di peringkat rayuan ini, peguam yang mewakili responden juga mengakui majistret hendaklah menjatuhkan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada satu tahun.

Kesimpulannya saya telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan mengetepikan hukuman pemenjaraan selama enam bulan yang dijatuhkan oleh majistret ke atas responden dan menggantikannya dengan hukuman pemenjaraan 18 bulan berkuatkuasa daripada tarikh tangkapan, iaitu, 6 Ogos 2001 dan tiga sebatan. Terhadap keputusan ini responden telah merayu kepada Mahkamah Rayuan.

Saya mendapat hukuman yang saya menjatuhkan di peringkat rayuan ini, iaitu, hukuman pemenjaraan selama 18 bulan berkuatkuasa daripada tarikh tangkapan dan tiga sebatan adalah tepat dengan fakta-fakta dan keadaan kes. Pada pendapat saya, kesalahan di bawah s. 420 jatuh di bawah golongan kesalahan yang serius. Pada saya, hukuman pemenjaraan 18 bulan dan tiga sebatan yang saya jatuhkan tidak berlawanan dengan mana-mana prinsip undang-undang mengenai hukuman.

Sebelum menjatuhkan hukuman saya telah memberi pertimbangan kepada beberapa faktor termasuk kepentingan awam, umur responden, bentuk kesalahan dan tempohmasa tertuduh berada dalam penahanan ketika menunggu perbicaraan dan fakta bahawa responden telah mengaku salah. Ini adalah selaras dengan apa yang telah disarankan oleh Lee Hun Hoe CJ (Borneo) di dalam kes *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 dan Willan CJ di dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v. Public Prosecutor* [1947] 13 MLJ 130. Di dalam kes *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor*, Lee Hun Hoe CJ (Borneo) berkata (di ms. 137):

> Whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilty should be treated as a mitigating factor. It not only saves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time and inconvenience of many, particularly the witnesses.

Di dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v. PP* [1947] 13 MLJ 130, Willan CJ berkata:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of each individual case. In that respect we would draw attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set out in *Halsbury*'s *Laws of England* (Hailsham Edition) volume 9, para. 365:

> The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the degree of deliberation shown by the offender, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.

Saya berpendapat hukuman pemenjaraan selama 18 bulan dan tiga sebatan adalah tepat. Fakta kes menunjukkan setelah bertemu dengan pengadu di Pulau Pinang, responden dan lelaki lain itu telah membuat temujanji untuk bertemu dengan pengadu di Kuala Lumpur dan di pertemuan itu mereka telah melakukan cubaan memperdaya pengadu. Beg yang mengandungi keratan kertas-kertas hijau itu yang dapat dikesan di hotel tersebut menunjukkan pemiliknya adalah responden dan disamping itu bilik hotel tersebut disewakan atas nama responden. Walaupun responden berumur 21 tahun pada masa kejadian, fakta yang mengelilingi kes ini tidak langsung menunjukkan responden seorang yang kurang matang pada hari kejadian. Seperti telah dikatakan oleh Brown, Ag CJ di dalam kes *Abdul Karim v. R* [1954] 20 MLJ 86:

> In the matter of punishment, the "type of offence" is the concern of the Legislature, which has provided the maximum punishment which can be inflicted for a serious offence of that type. The particular offence, and the particular offender, are the concern of the Court, whose business it is to decide what punishment is merited upon the facts of the individual case within the limits which the Legislature has provided. Any tendency to standardise punishment for any type of offence is to be deplored because it means that the individual offender is being punished not upon the facts of his particular case but because he has committed an offence of that type.

Saya berpendapat responden di dalam kes ini perlu dipenjarakan selama 18 bulan supaya ia diberi masa yang secukupnya bagi pemulihan. Saya juga berpendapat hukuman tiga sebatan yang dijatuhkan adalah tepat bagi kesalahan sejenis ini. Di dalam kes *Public Prosecutor v. Leo Say & 2 Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683, NH Chan, H berkata:

> I would be failing in my duty if I do not pass sentences which make it absolutely plain that those who indulge in such conduct do receive sentences of the utmost severity. The sentences should act as a warning to others not to take part in similar offences. Such conduct should not only be held in utter abhorrence by all ordinary men and women, but should receive when brought to justice, the most severe possible punishment.

Mengenai rayuan terhadap hukuman yang saya jatuhkan, saya berpendapat sekiranya saya telah melakukan kesilapan, ianya merupakan kesilapan dari segi kemurahan hati.